

# Rakan Haiwan: Beruang Panda



Mari belajar tentang  
**beruang  
panda:**

1.

Beruang panda adalah satu daripada lapan jenis beruang di dunia. Ia selalunya memakan buluh sahaja, tidak seperti beruang-beruang yang lain.

2.

Oleh kerana ia tidak dapat menghadamkan buluh dengan baik, beruang panda boleh mengeluarkan najis sebanyak 40 kali sehari. Najisnya penuh dengan serat buluh.

3.

Ia mempunyai tumbuhan tulang dipergelangan tangannya seperti ibu jari. Ini digunakan untuk menggenggam batang buluh dengan lebih erat.

4.

Beruang panda cekap memanjang pokok dan berenang di dalam air.

5.

Di River Safari kami ada dua ekor beruang panda, Kai Kai dan Jia Jia. Kai Kai digelar ‘Si Kepala Bawang’ berdasarkan jambul di kepalanya yang serupa bentuk bawang. Jia Jia pula mempunyai belang hitam yang tipis di belakang badannya.

# Mari Kita Teliti Anggota Badan Beruang Panda.

Beruang panda yang liar hidup di hutan buluh di negeri China. Ia adalah satu-satunya beruang yang memakan buluh.

Bulu yang putih supaya bersepada dengan hutan bersalji

Lima batang jari dan 'ibu jari' istimewa untuk menggenggam buluh

Bulu yang hitam supaya bersepada dengan bayang-bayang di hutan buluh

Rahang dan gigi yang kuat untuk menggit dan mengunyah buluh yang keras

# Lihat-Fikir-Musykil

**Gunakan rutin \*‘Lihat-Fikir-Musykil’ mulakan perbualan bersama murid anda dan galakkan mereka kemukakan soalan mereka sendiri.**

\*Diterap daripada Project Zero, Harvard Graduate School of Education



## Lihat:

- Bahagian manakah di tubuh panda yang berwarna hitam?
- Bahagian mana pula yang berwarna putih?
- Namakan apa yang anda lihat di dalam gambar ini.
- Saya lihat...


## Fikir:

- Apakah yang sedang beruang panda ini lakukan?
- Apakah arahan yang akan anda berikan untuk mendorong beruang panda ini ke kolam air itu?
- Saya fikir...

## Musykil:

- Saya musykil jika beruang panda boleh memanjat pokok.
- Saya musykil apa yang...
- Saya musykil ke/di mana...

# Aktiviti 1: Poster Beruang Panda



Aktiviti kumpulan atau individu



kertas, pensil dan bahan  
kitar semula

## Langkah 1.

Tonton [video](#) Kai Kai.

## Langkah 2.

Lukiskan gambar poster Kai Kai melakukan sesuatu aksi seperti memakan, memanjat, tidur.

## Langkah 3.

Namakan anggota badan Kai Kai di poster itu.



Cabaran bonus: Cipta sebuah patung Kai Kai berbentuk 3D

# Aktiviti 2: Unjuk Dan Ujar Bersama Panda



Aktiviti kumpulan atau individu



Alat atau gambar yang melambangkan Singapura

**Langkah  
1.**

Lungsur laman web River Safari dan muat turunkan [e-buku](#).

**Langkah  
2.**

Cari alat atau gambar yang melambangkan Singapura yang ingin anda berkongsi bersama Kai Kai dan Jia Jia.

**Langkah  
3.**

Sediakan aktiviti tunjuk dan ujar. Gunakan gambar atau alat yang dipilih tadi dan kongsikan cerita istimewanya bersama kaum keluarga anda atau bersama Kai Kai dan Jia Jia apabila membuat lawatan ke River Safari.